

## MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 (7)

TARIKH: 20 Disember 2012

**PERKARA : PENGISIAN REKOD PENYAMPAIAN PENGAJARAN (RPP)**

DARIPADA : TKP	SALINAN :
KEPADА : Semua Pengarah ILJTM	1) P(KT) 2) P(PL) 3) KPP (KT)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa jabatan mendapati rekod penyampaian pengajaran yang diisi oleh pengajar tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan dimana jumlah jam yang diperuntukkan untuk latihan tidak sama seperti yang tercatat di dalam silibus.


3. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah tersebut jabatan memutuskan **semua kelas yang jatuh pada hari cuti umum atau terlibat dengan aktiviti diluar skop latihan hendaklah diganti dan direkodkan di dalam rekod penyampaian pengajaran.** Pengajar juga perlu memastikan semua **aktiviti pembelajaran memenuhi keperluan di dalam silibus terutamanya dari segi jumlah jam latihan teori dan amali.**

4. Semua **Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan perlu memastikan proses pemantauan dibuat dengan merujuk kepada silibus.** Bagi memudahkan pengrekodan proses pengajaran, pihak institut boleh memilih kaedah pengrekodan secara *Instructor Ownership* atau *Class Ownership* mulai Sesi Januari 2013.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn Azlina Mohamad Shafie di talian 03-88865585.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'Pekerja Berinovasi Penggerak Transformasi'**

  
**(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)**

b.p Ketua Pengarah  
Jabatan Tenaga Manusia.

DIHANTAR
CAW. KAWALAN TEKNIKAL
<input type="radio"/> E-MAIL
<input checked="" type="radio"/> MAIL / COURIER
<input checked="" type="radio"/> FAX
TARIKH 20.12.2012